

02 NOV 1997

Mahathir-Soros

SOROS PERLU HENTIKAN MANIPULASI, KATA DR MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 2 Nov (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini meminta spekulator mata wang George Soros berhenti memanipulasi pasaran saham dan tukaran asing jika dia "berhati perut".

Perdana Menteri berkata beliau tidak berapa yakin dengan kenyataan Soros di London semalam bahawa pasaran perlu dikawal selia.

"Tetapi saya benar-benar berharap dia akan sedar bahawa dia mengaut keuntungan daripada kesengsaraan orang. Kalau dia ada conscience (berhati perut), dia patut stop (berhenti)," katanya kepada pemberita sebelum menaiki teksi air di tasik bersebelahan hotel Palace of the Golden Horse, tempat berlangsungnya sidang kemuncak G15 esok.

Dr Mahathir berkata beliau juga kurang yakin dengan laporan kononnya Soros kerugian RM7 bilion (US\$2 bilion) akibat kejatuhan pasaran saham seluruh dunia baru-baru ini.

"Persoalannya ialah di mana dia mendapat RM7 bilion itu. Dan (jumlah) itu baru satu per sepuluh daripada kekayaannya, yang bermakna dia ada US\$20 bilion," katanya.

Dr Mahathir berkata bahawa untuk Bill Gates menjadi kaya, beliau memang faham tetapi "saya tidak tahu dari mana Soros mendapat wangnya."

"Yang saya tahu ialah akibat kejatuhan nilai mata wang kita, kita kini 30 peratus lebih miskin kerana jika pendapatan per kapita dahulu ialah 5,000, sekarang tinggal 3,500. Jadi kita kehilangan 1,500 daripada segi pendapatan per kapita yang dikira mengikut dolar Amerika," katanya.

Malaysia sahaja dengan penduduk 20 juta kerugian US\$30 bilion, dan ini tidak termasuk Filipina, Thailand dan Taiwan yang kehilangan wang yang banyak kesan daripada keruntuhan ekonomi dan pertumbuhannya yang berpunca daripada orang seperti Soros, yang hanya memperkayakan segelintir pihak yang sudahpun kaya.

"Inilah yang membuat saya marah," kata Dr Mahathir.

Ketika ditanya sama ada beliau gembira kerana dunia kini menerima pendapatnya, Perdana Menteri berkata: "Saya tak peduli orang terima atau tidak. Saya cuma kata apa yang saya fikir betul saja. Dan itulah yang betul," katanya.

Soros yang dianggap ramai termasuk Dr Mahathir, sebagai orang yang berperanan utama menyebabkan kejatuhan pasaran saham dan tukaran asing Asia, memberitahu radio BBC bahawa pasaran perlu dikawal selia, sebaik-baiknya sebuah badan antarabangsa, untuk mengelak turun naik yang teruk.

Perdana Menteri berkata: "Soros bukan bimbang fasal US\$2 bilion sangat. Tapi sebenarnya dari dulupun dia kata the market is not perfect (pasaran tidak sempurna), dan dia untung daripada ketidak sempurnaan ini. Jadi dia tak berapa complain sangat. Dia rugi sikit sahaja tetapi dia boleh mengaut lebih."

Ketika ditanya sama ada beliau berjaya dalam perjuangannya ini, Dr Mahathir menjawab: "Ianya bukan soal memenangi peperangan, ini bukan soal menang kalah."

Mengenai kehadiran pemimpin lain dalam sidang kemuncak G15 esok, Perdana Menteri berkata korum sudah mencukupi.

"Mungkin ia boleh menjadi lebih baik lagi tetapi saya faham bahawa mereka yang tidak dapat hadir mempunyai urusan lebih penting," katanya.

Mengenai kekerapan sidang kemuncak itu, Dr Mahathir berkata beliau perlu berbincang dahulu dengan pemimpin lain.

Dr Mahathir juga berkata pemimpin-pemimpin G15 harus mengambil kira masalah mata wang dan jika mereka fikirkan wajar, mereka boleh membuat kenyataan mengenainya. -- BERNAMA

ZAB MAI